

Bantu SPR cepat daftar pengundi

Orang ramai berkeelayakan ditawarkan jadi Penolong Pendaftar Pemilih

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bharian.com.my

Berita Harian

31/1/2012

MS: 22

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuka tawaran kepada orang ramai terutama golongan yang aktif dalam masyarakat dan mempunyai banyak masa untuk menjadi Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) bagi mempercepat proses pendaftaran pemilih membabitkan 3.6 juta rakyat yang layak mengundi.

Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata tawaran juga terbuka kepada individu yang menjadi ahli badan bukan kerajaan (NGO) atau mereka yang dihormati dalam masyarakat seperti ketua kampung, ahli jawatankuasa kerja kampung, persatuan penduduk, kariah masjid atau ahli rukun tetangga.

Beliau yang tidak menetapkan jumlah pengambilan berkata, pihaknya akan menapis proses permohonan bagi memastikan hanya mereka yang layak dan berintegriti dilantik sebagai PPP di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

Mereka yang dipilih sebagai PPP, katanya layak menerima bayaran sebanyak RM1 bagi setiap pengundi yang berjaya didaftarkan.

"Proses pengambilan PPP bagi saluran NGO tidak ada kuota, sesiapa saja boleh tawarkan diri dengan mengemukakan biodata mereka kepada pejabat SPR terdekat.

"Kami akan tapis dan semak, tidak mahu lantik mereka yang tidak ada integriti, latar belakang diragui, khuatir salah guna kuasa ber-



Proses pengambilan PPP bagi saluran NGO tidak ada kuota, sesiapa saja boleh tawarkan diri dengan mengemukakan biodata mereka kepada pejabat SPR terdekat



Wan Ahmad Wan Omar
Timbalan Pengerusi SPR

laku termasuk pindah pengundi. Kalau tidak buka peluang ini, kami fikir sukar untuk menyelesaikan masalah mendaftarkan 3.6 juta rakyat Malaysia berusia lebih 21 tahun," katanya kepada *Berita Harian*.

Wan Ahmad menjelaskan sehingga kini lebih 10,000 dilantik sebagai PPP membabitkan beberapa saluran sejak 2005 dan jumlah itu tidak

mencukupi bagi menampung pertambahan penduduk yang semakin meningkat.

Setiap tahun, katanya purata hampir 800,000 rakyat berjaya didaftarkan dengan 40 peratus proses pendaftaran menerusi lebih 700 pejabat pos seluruh negara, khidmat PPP saluran badan politik (25 peratus), PPP agensi kerajaan (20 peratus), kaunter ber-

gerak SPR (10 peratus), PPP NGO (lima peratus) dan bakinya menerusi kaunter statik SPR di seluruh negara.

"Pertambahan PPP perlu kerana setiap tahun hampir setengah juta rakyat Malaysia mencapai umur 21 tahun. Jika tidak daftar bilangan rakyat yang tertunggak ini, sukar untuk memastikan semua rakyat mendaftar sebagai pemilih," katanya.